



## BAHASA PENJANA MINDA

BICARA KARYAWAN Bersama Abdul Rahman Yusof



# Kelestarian Sastera Melayu

Oleh Abdul Rahman Yusof  
(Mantan Pengarah Jabatan Sastera, DBP)

Pada abad ke-19, Hans Overbeck, sarjana bahasa dan sastera Melayu berbangsa Jerman dengan tegas menyatakan: *Maleisch literatur ist tot* (Sastera Melayu sudah mati). Kalimat tersebut bermaksud apabila bertapaknya pengaruh Barat, sastera Melayu tradisional yang terdiri daripada hikayat, pantun, syair, gurindam dan sebagainya akan lupus digantikan dengan genre baharu dari Barat seperti puisi bebas, novel dan drama.

Pandangan Overbeck bahawa sastera Melayu, waima sastera tradisional, sudah mati itu tidak tepat sama sekali. Hakikatnya sastera tradisional kita bukan sahaja terus hidup, malah berdamai dengan sastera moden dalam satu hubungan dialektika yang sihat. Bukan sahaja sastera tradisional tidak mati, pelbagai bentuknya yang dominan turut mempengaruhi sastera moden pada peringkat awal perkembangannya.

Puisi moden kita yang dipelopori oleh Pungguk, Ngumba dan tokoh-tokoh lain yang dikatakan ditulis dalam bentuk bebas (free verse) sebenarnya tidak terus terlepas daripada ikatan pantun dan syair. Begitu

juga dengan novel-novel kita yang awal. *Hikayat Faridah Hanum (HFT)* dan *Hikayat Kemudaan Kasih Kecintaan*, umpamanya, masih menggunakan nama hikayat dalam judulnya. Walaupun *HFT* dianggap sebagai karya moden, banyak unsur di dalamnya dipinjam daripada hikayat. Watak-watak utamanya masih lagi orang bangsawan, deskripsi rupa paras masih pekat dengan motif hikayat serta pantun dan syair digunakan dengan banyaknya.

Overbeck ialah produk zamannya yang begitu tebal dengan pemikiran evolusi dan pemikiran positifnya. Menurut acuan pemikirannya, yang lemah akan digantikan dengan yang kuat dan masyarakat berubah dari satu tahap yang rendah menuju kesempurnaan. Evolusi seperti yang dibayangkan itu tidak berlaku. Apabila bercakap tentang sastera Melayu kita selalu mengandaikan bahawa tahap pertamanya ialah tradisi lisan seperti yang dijelmakan antara lain, dalam puisi tradisional dan cerita rakyat. Tahap kedua ialah sastera tulisan seperti yang terkandung dalam hikayat, hukum kanun dan sebagainya. Tahap ketiga, sastera cetak, iaitu puisi, cerpen, drama dan novel yang disiarkan di dalam akhbar dan majalah, dan diterbitkan dalam bentuk buku. Tahap keempat, sastera elektronik yang memanfaatkan semua unsur multime-

dia dan sastera siber dengan hiperteks dan hiperangkainya. Walaupun secara heuristik pembahagian seperti ini dapat diterima, realitinya lebih kompleks - setiap satu bentuk sastera itu tidak mati untuk digantikan dengan bentuk sastera selanjutnya.

Hakikatnya, pada zaman ini, setiap bentuk tersebut wujud sebelah-menyebal dan saling mempengaruhi antara satu sama lain. Sebagai misal, unsur ulangan yang dikatakan sebagai ciri khusus tradisi lisan bukan sahaja terdapat dalam sastera hikayat, tetapi juga terdapat dalam sastera cetak seperti novel *Ranjau Sepanjang Jalan* serta puisi tiga visual dan puisi konkrit A. Ghafar Ibrahim (AGI).

Kini, sastera Melayu bukan sahaja terus berkembang malah bersifat dinamik dan berubah mengikut zaman. Melalui pelbagai langkah dan kegiatan apresiasi sastera yang dianjurkan oleh DBP sejak 50 tahun lalu, para remaja kini disogokkan dengan karya sastera yang lebih menarik melalui multimedia. Bahagian Multimedia DBP antara lain, telah pun menerbitkan CDROM *Koleksi Puisi Bermontaj* dalam 7 jilid. Tambahan pula sifatnya yang interaktif menyebabkan lebih banyak penyertaan dalam penghayatan sastera. Selagi penerbitan sastera sanggup berubah selagi itulah kelestariannya terjamin.

## KEPUTUSAN PERADUAN PENTERJEMAHAN FRASA INGGERIS

### JAWAPAN

1. Tun Syed Nasir was a renowned leader, but above all he was a Malay activist.

Tun Syed Nasir ialah seorang pemimpin yang terkenal, tetapi beliau lebih dikenali sebagai seorang pejuang bahasa Melayu.

2. As a Director General, he showed commitment to the job above and beyond what was expected of him.

a. Sebagai Ketua Pengarah, beliau telah menunjukkan komitmen terhadap tugasnya melebihi apa yang diharapkan.

b. Sebagai seorang Ketua Pengarah, beliau telah menunjukkan iltizam yang lebih daripada apa yang diharapkan.

3. He aimed to work for DBP and secured a job after all.

Dia bercita-cita untuk bekerja dengan DBP dan dia berjaya akhirnya.

4. Editors have to read through the manuscripts to ascertain the quality of Dewan's publications.

Para editor perlu menyemak keseluruhan/meneliti manuskrip untuk memastikan kualiti penerbitan Dewan.

5. After glancing through A.Samad Said's novel "Salina", the foreign publisher decided to get it translated.

Selepas membaca sepintas lalu/sekali imbas novel A. Samad Said "Salina", penerbit luar negara itu membuat keputusan untuk menterjemahkannya.

6. After all is said and done, the official opening ceremony of the new tower building of DBP turned out just as was expected.

Akhirnya, upacara pembukaan rasmi bangunan menara baharu DBP dilancarkan seperti yang telah dirancang.

7. In his speeches, time and again the former Director General of DBP Dato' Dr. Hassan Ahmad stressed on the sovereignty of the Malay language. Dalam ucapannya, mantan Ketua Pengarah DBP, Dato' Dr. Hassan Ahmad, berkali-kali menekankan kedaulatan bahasa Melayu.

8. In preparation for DBP's Golden Jubilee celebration, some of the staff have to work after hours. Sebagai persediaan untuk sambutan Jubli Emas DBP, sesetengah kakitangan perlu bekerja lebih masa.

9. The exhibition gallery of DBP was named after Keris Mas, one of the National Laureate. Galeri Pameran DBP dinamai Keris Mas, sempena nama salah seorang Sasterawan Negara.

10. Since its establishment in 1956, after some time DBP spreads its wings to East Malaysia by opening two branches.

a. Semenjak penubuhannya pada tahun 1956, tidak lama kemudian DBP melebarkan sayapnya ke Malaysia Timur dengan membuka dua buah cawangan.

b. Selepas sekian lama, semenjak penubuhannya pada tahun 1956, DBP melebarkan sayapnya ke Malaysia Timur dengan membuka dua buah cawangan.

### RUMUSAN

Hanya lima orang layak menerima wang tunai RM50.00 dan 30 orang terpilih untuk menerima set cenderamata istimewa daripada *Klik DBP*.

Keputusan dibuat berdasarkan beberapa

aspek penting, iaitu maksud yang hendak disampaikan, aspek tatabahasa, ejaan dan kesantunan berbahasa.

Bagi jawapan yang ada pilihan, kami memilih ayat yang paling bersahaja, walaupun pilihan lain tidak salah.

Seperti yang pernah dijelaskan dalam ruangan Pedoman Penterjemahan selama ini, adalah penting menterjemahkan maksud mengikut konteks atau situasi, dan bukannya menterjemahkan kata secara harfiah. Misalnya, *Director General* tidak seharusnya diterjemahkan kepada Pengarah Umum atau Pengarah Jeneral.

Tujuan peraduan ini diadakan adalah untuk mengukur sejauh mana penguasaan bahasa Melayu pembaca. Secara keseluruhannya, didapati, masih ramai pembaca yang tidak tahu perbezaan antara penggunaan 'dalam' dengan 'di dalam'.

Syabas diucapkan kepada pemenang dan terima kasih kepada yang menyertai peraduan ini. Diharapkan contoh jawapan yang diberikan dapat membantu pembaca, khususnya pelajar memahami frasa Inggeris. Keputusan pengadil adalah muktamad.

### PEMENANG

1. Puan Suriyati Hassan  
No. K.P.: 690906-05-5034
2. Encik Teh Koon Hock  
No. K.P.: 560803-02-5291
3. Encik Zainal Johan@Jamil  
No. K.P.: 440324-01-5057
4. Encik Kassim Nordin  
No. K.P.: 550404-08-5087
5. Puan Nurul Atiqah Dahalan  
No. K.P.: 890322-08-6298

\*Di samping wang tunai, mereka juga akan menerima cenderamata istimewa *Klik DBP*.

### TAHUKAH ANDA?

## Sejarah Tulisan Rumi

Tulisan Rumi yang kini diiktiraf sebagai tulisan rasmi bahasa Melayu sebenarnya sudah berusia kira-kira 3,800 tahun dan sudah mengalami banyak perubahan sejak tulisan huruf dicipta. Tulisan huruf mula-mula dicipta oleh bangsa Seirites (bangsa yang mendiami Semenanjung Sinai di utara Laut Merah antara negeri Mesir dan Palestin). Tulisan ini kemudian diubah oleh bangsa Fonesia yang tinggal di daerah Timur Laut Tengah, kemudian dibuat penambahan oleh bangsa Yunani, dan akhirnya diperbaiki bentuknya oleh bangsa Rumawi (Italia). Oleh sebab bangsa Rumawi merupakan kelompok terakhir yang mengubah bentuk tulisan huruf itu, maka nama tulisan itu dikenali sebagai tulisan huruf Rumawi ataupun Rumi hingga sekarang.

Sebelum tulisan Rumi diperkenalkan, bahasa Melayu menggunakan tulisan Jawi yang diasaskan daripada tulisan Arab. Angkatan Sasterawan '50 sebagai badan persuratan yang bercita-cita dan berusaha memajukan bahasa dan kesusasteraan Melayu, telah membuat kajian perbandingan antara kelebihan dan kelemahan tulisan Rumi berbanding dengan tulisan Jawi. Kajian mendapati tulisan Rumi mempunyai banyak kelebihan. Antaranya:

i. Tulisan Rumi mempunyai huruf vokal yang lebih lengkap, iaitu a,e,i,o,u untuk bahasa Melayu, berbanding dengan tulisan Jawi yang hanya mempunyai tiga huruf vokal, iaitu 'alif', 'wau' dan 'ya'.

ii. Kata pinjaman asing lebih mudah dieja dengan huruf Rumi.

iii. Tulisan Rumi dapat menyatukan bahasa Melayu di Malaya dengan bahasa Melayu di Indonesia.

iv. Bahasa asing dapat mempelajari bahasa Melayu lebih mudah melalui tulisan Rumi.

Berdasarkan kelebihan tersebut, Angkatan Sasterawan '50 dan Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura (KGMS) telah mengemukakan cadangan supaya tulisan Rumi diiktiraf penggunaannya sebagai tulisan rasmi bagi persuratan Melayu dengan tidak menghapuskan tulisan Jawi. Cadangan ini dikemukakan dalam Kongres Persuratan Melayu se-Malaya yang kedua di Seremban pada 1 dan 2 Januari 1954.

Memandangkan kelebihan tulisan Rumi, maka tulisan Rumi telah dirasmikan penggunaannya sehingga hari ini.

Susunan Fatimah Zahrin Mohd Taib

### PERIBAHASA

## Genggam Bara Api Biar Sampai Jadi Arang

Peribahasa ini menggambarkan sikap dalam membuat sesuatu pekerjaan yang susah atau tugas berat yang dipertanggungjawabkan kepada kita haruslah dilaksanakan dengan sabar dan bersungguh-sungguh sehingga berjaya, dan tidak dilakukan sambil lewa sahaja. Pekerjaan yang diusahakan dengan sepenuh hati akan membuahkan hasil yang baik dan bermutu tinggi. Makna yang sama juga terdapat dalam peribahasa Dayak Ngaju yang berbunyi *Ulah mendui sampai bisa* yang bererti membuat sesuatu pekerjaan sehingga selesai dan sempurna. Peribahasa ini juga menyamai peribahasa Melayu "Alang-alang mandi biar sampai basah; alang-alang berakwat biar hitam; alang-alang berminyak biar licin; dan alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan". Makna yang sama juga terdapat dalam peribahasa Inggeris *Take the bull by the horns*.

Oleh Raja Masittah Raja Ariffin

### KATA DIALEK

## Acok

Dalam dialek Kelantan acok ialah tempat untuk menjemur sesuatu seperti ikan, tembakau, kerepek dan lain-lain. Dalam bahasa Melayu perkataan yang sama erti dengan acok ialah para atau para-para. Contoh penggunaannya dalam dialek Kelantan ialah seperti "Jemo ike tu atah acok" iaitu bermaksud "Jemur ikan tu atas para".

Oleh Shariffulizan Malek